



## NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA BIL. 3/2020

### **PENGEMUKAAN DAN EDARAN TOR / LAPORAN EIA DI BAWAH JADUAL KEDUA BAGI AKTIVITI YANG DITETAPKAN DI BAWAH PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015**

---

Tuan/Puan,

Seperti tuan/puan sedia maklum, Jabatan melalui Notis Kepada Jururunding EIA Bil.2/2020 telah memperkenalkan kaedah pengemukaan edaran dokumen berbentuk digital dan meminimumkan edaran secara *hardcopy* bagi **Bidang Rujukan (*Term of Reference, TOR*) dan Laporan EIA** yang tertakluk di bawah **Jadual Kedua** bagi Aktiviti Yang Ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 terhad kepada tiga (3) salinan sahaja dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar.

3. Walau bagaimanapun, semakan mendapati bahawa terdapat keperluan di mana pihak jururunding EIA perlu mengemukakan **tambahan satu (1) salinan *hardcopy*** TOR dan Laporan EIA yang tertakluk di bawah **Jadual Kedua** dan diedarkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri yang berkaitan untuk memberikan ulasan dan penilaian terhadap TOR dan Laporan EIA tersebut.

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR  
20 OKTOBER 2020**

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia

Skim Pendaftaran Jururunding EIA

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)

Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli

No 25, Persiaran Perdana, Presint 4

**62574 W.P. PUTRAJAYA**

Emel: [skeia@doe.gov.my](mailto:skeia@doe.gov.my)